

# Majikan Malaysia - pembantu rumah Indonesia saling memerlukan

Star 10/7/2011 4

Temuramah khas **IWAN SHU-ASWAD SHUAIB** dan **IZRA ABD RAHMAN** dengan Atase Ketenagakerjaan, Kedutaan Besar Republik Indonesia.


**NAMA:** Agus Triyanto A.S (Pak Agus)  
**UMUR:** 51 tahun  
**ASAL:** Semarang, Jawa Tengah, Indonesia.  
**JAWATAN:** Atase Ketenagakerjaan, Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Malaysia.



AGUS TRIYANTO

## Aduan kepada KBRI

Aduan pembantu rumah Indonesia kepada Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) dari Januari sehingga Jun 2011.



Jumlah kes: 974

Sumber: KBRI

GRAFIK MSTAR ©2011

hanya terhad kepada empat bidang tugas iaitu memasak, mencuci baju, mengemas dan menggosok baju.

> Bagaimanapun jika pembantu rumah ingin menjalankan tugas lain secara sukarela, itu tidak menjadi masalah.

> Tidak mungkin pembantu rumah mampu bekerja tanpa henti kerana secara logiknya manusia hanya mampu bekerja antara 8 sehingga 10 jam sehari.

> Pembantu rumah memerlukan masa rehat dan diberikan sekurang-kurangnya satu hari cuti pada setiap minggu.

> Syarat seperti cuti, tempoh bekerja sehari dan menghormati agama yang dianuti pembantu rumah terdapat dalam surat perakuan yang perlu ditandatangani majikan sebelum mereka mengambil pembantu rumah.

> Bagaimanapun terdapat segelintir majikan yang ingkar.

> Keengganan majikan mematuhi syarat yang dipersetujui akan menyebabkan pembantu rumah tertekan, seterusnya membawa kepada tercetusnya beberapa masalah.

## Program HELPER, usaha KBRI

> Program HELPER ialah Sistem Perlindungan, Pemantauan dan Kebajikan Hal Ehwal Pembantu Rumah Indonesia.

> Merupakan kerjasama antara Saba Islamic Domestic Help Advisory (SAIDHA) dan KBRI dalam usaha mewujudkan kesejahteraan antara pembantu rumah

## Latar belakang pembantu rumah Indonesia di Malaysia

> Setakat ini terdapat seramai 729,809 pekerja Indonesia yang berdaftar di Malaysia.

> Daripada jumlah itu, 189,500 orang berkhidmat sebagai amah atau pembantu rumah.

> Selain pembantu rumah, sektor lain melibatkan pekerja Indonesia seperti pembinaan, perkhidmatan dan perladangan.

> Lebih 90 peratus pembantu rumah Indonesia di Malaysia adalah beragama Islam.

> Lebih 70 peratus daripada mereka datang dari Kepulauan Jawa iaitu Jawa Timur, Jawa Tengah dan Jawa Barat.

> Bagaimanapun terdapat kira-kira 61,000 pembantu rumah Indonesia tidak sah di negara ini.

Daripada jumlah itu, 11,000 orang tidak mempunyai dokumen sah manakala 50,000 orang bekerja sebagai pembantu rumah separuh masa.

> Kebanyakan pembantu rumah separuh masa datang ke Malaysia secara sah tetapi tidak mempunyai permit kerja (contoh; mengikut suami yang bekerja di Malaysia).

> Jika tidak bekerja sebagai pembantu rumah, mereka ini bekerja di restoran atau di premis-premis jualan.

## Trend di Malaysia

> Pengurangan bilangan pekerja Indonesia berdaftar di Malaysia bukan disebabkan oleh pembekuan pengambilan pembantu rumah.

> Ia ada kaitan dengan penambahbaikan ekonomi di Indonesia bagi sektor ladang dan pembinaan.

> Selain itu Malaysia juga mempunyai kuota bagi pengambilan pekerja asing yang kebiasaannya diturunkan setiap tahun.

> Walau bagaimanapun permintaan majikan di Malaysia terhadap pembantu rumah Indonesia semakin meningkat.

> Dianggarkan permintaan majikan terhadap pembantu rumah Indonesia sekitar 5,000 - 6,000 setahun.

> Pada 2010, terdapat usaha majikan mengambil pembantu rumah dari Kemboja, Vietnam dan Filipina.

> Tapi kenyataannya tidak ramai pembantu rumah dari negara tersebut yang mampu dibawa masuk kerana beberapa faktor.

> Faktor tersebut termasuklah masalah perbezaan bahasa dan agama.

> Permintaan pembantu rumah Indonesia bukan sahaja dari Malaysia tetapi dari negara-negara lain.

> Disebabkan Malaysia menerima masuk pembantu rumah berpendidikan rendah maka ramai rakyat Indonesia bersedia berkhidmat di sini.

## Pertembungan dua budaya, agama berbeza punca utama konflik

> Kebanyakan masalah yang timbul

antara majikan Malaysia dan pembantu rumah Indonesia berpunca daripada perbezaan budaya, agama dan karakter.

> Perkara pertama yang harus difahami oleh majikan yang ingin mengambil rakyat Indonesia sebagai pembantu rumah ialah negara itu mempunyai 280 etnik.

> Kebiasaannya, satu etnik mempunyai dua bahasa.

> Kebanyakan pembantu rumah Indonesia datang dari sebahagian Sumatera, Kepulauan Jawa, Lombok dan Nusantara Tenggara Timur (NTT) di mana masing-masing mempunyai cara hidup yang berbeza.

> Lebih daripada 90 peratus penduduk di NTT adalah bukan Islam.

> Perbezaan-perbezaan ini menyebabkan mereka pada peringkat awal sukar untuk menyesuaikan diri dengan budaya dan persekitaran baru di Malaysia.

> Ini terutama bagi mereka yang menetap di kawasan pedalaman dan berpendidikan rendah yang memerlukan tunjuk ajar yang lebih daripada majikan.

> Antara kesulitan yang berlaku seperti sukar untuk berkomunikasi dan mempunyai masalah dalam mengendalikan peralatan dan kemudahan di rumah majikan.

> Perbezaan agama antara pembantu rumah dan majikan turut menjadi faktor permasalahan yang berlaku apabila ia melibatkan isu halal, pelepasan untuk solat dan puasa.

> Dianggarkan 45 peratus majikan di sini yang menggaji pembantu rumah Indonesia terdiri daripada majikan beragama Islam dan 40 peratus berbangsa Cina.

> Disebabkan ramai pembantu rumah Indonesia beragama Islam dan permintaan daripada majikan bukan Islam di Malaysia juga tinggi, maka kelonggaran diberikan.

> Pembantu rumah beragama Islam boleh bekerja dengan majikan bukan Islam, tetapi majikan perlu mematuhi syarat tertentu.

> Harus diperjelaskan bahawa terdapat masyarakat di Indonesia yang tidak mengamalkan budaya memberi khidmat kepada orang lain.

> Tempat-tempat tersebut seperti Kalimantan, Aceh dan Sulawesi.

## Aduan di KBRI

> Sebanyak 974 kes diterima daripada pembantu rumah Indonesia kepada KBRI di Malaysia.

> Jumlah aduan itu diterima dari Januari sehingga Jun 2011.

> Mereka membuat aduan menerusi panggilan telefon dan datang sendiri ke KBRI.

> Daripada jumlah aduan yang dilaporkan, sebanyak 540 kes (55.4 peratus) disebabkan pembantu rumah tidak dibayar gaji oleh majikan.

> Selain itu, aduan lain yang dilaporkan adalah mengenai perselisihan faham antara pembantu rumah dan majikan iaitu 87 kes (8.9 peratus) dan eksploitasi, 62 kes (8.9 peratus).

> Aduan turut disebabkan oleh penderaan fizikal dan seksual, masing-masing 31 kes (3.2 peratus) dan 10 kes (1 peratus)

## Hak pembantu rumah dan majikan

> Secara amnya KBRI bertanggungjawab melindungi semua warganegara Indonesia yang bekerja di Malaysia termasuklah pembantu rumah.

> Disebabkan pembantu rumah menghabiskan hampir seluruh masa mereka dengan majikan, secara tidak langsung majikan juga mempunyai tanggungjawab memberi perlindungan kepada mereka.

> Terdapat majikan sering meletakkan harapan yang tinggi apabila mengambil rakyat Indonesia untuk berkhidmat sebagai pembantu rumah.

> Mereka menganggap semua pembantu rumah mampu melakukan semua jenis kerja rumah sepanjang masa.

> Tanggapan ini menyebabkan ada pembantu rumah dipaksa melakukan kerja-kerja berat dan tidak bersesuaian oleh majikan.

> Terdapat pembantu rumah yang beragama Islam disuruh menyediakan makanan tidak halal dan melakukan kerja tidak sepatutnya seperti memandikan anjing.

> Sebenarnya, tugas pembantu rumah

kesejahteraan antara pembantu rumah Indonesia dan majikan di Malaysia.

> KBRI sangat menyokong baik program ini malah memberi sokongan terutama dalam bentuk pengurusan dan aktiviti.

> Dalam konteks ini KBRI mewakili pembantu rumah Indonesia di Malaysia.

> KBRI juga menyokong penubuhan Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA) yang mewakili majikan-majikan pembantu rumah Indonesia di negara ini.

> 4 hala tuju utama program ini ialah latihan untuk pembantu rumah, kesedaran untuk majikan, aktiviti pemantau keganasan dan mengendalikan sistem penggajian.

> Program ini mewajibkan penyertaan daripada pembantu rumah Indonesia di Malaysia dan majikan yang mahu menggunakan khidmat mereka.

> KBRI mencadangkan sebaik-sebaiknya dimulakan apabila warga Indonesia tiba ke Malaysia sebelum mereka memulakan tugas sebagai pembantu rumah di rumah majikan.

> Seminar bersama majikan dan pembantu rumah Indonesia kemungkinan diadakan di KBRI di Malaysia atau satu tempat yang akan dirancang kelak.

> Program ini bukan sahaja untuk majikan sedia ada bahkan turut mengalukan calon-calon majikan yang berminat mengambil khidmat pembantu rumah Indonesia.

> KBRI mahu memperjelaskan kepada majikan tentang sifat dan karakter rakyat Indonesia yang mana lebih sesuai diambil sebagai pembantu rumah.

> Usaha KBRI termasuk menyambut ketibaan pembantu rumah melalui 'Welcoming Programme' serta diberikan penerangan mengenai tugas sebelum dibawa oleh agensi pekerjaan bertemu majikan.

> Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia Muhaimin Iskandar baru-baru ini menetapkan syarat kepada tenaga kerja Indonesia yang ingin bekerja di luar negara supaya lulus ujian kecekapan selama 200 jam bertujuan meningkatkan daya saing mereka supaya lebih diterima di pasaran tenaga kerja dunia.

> Lagi cerita di muka 6

# Helper bantu selesai masalah

Star 10/7/2011 6

## Program dapat kerjasama Kedutaan Indonesia dan kementerian terlibat.

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

iwana@thestar.com.my

**S**EMUANYA bermula apabila beliau berkunjung ke Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur tahun lalu bagi memperbaharui pasport pembantu rumah.

Dipertemuan dengan Atase Ketenagakerjaan, Agus Triyanto A.S di Kedutaan secara tidak langsung telah membantu menyelesaikan masalah beliau.

Ketika itu Agus yang lebih dikenali sebagai Pak Agus dalam kerunsingan memikirkan tentang permasalahan yang berlaku ke atas pembantu rumah Indonesia di negara ini.

Secara kebetulan, beliau sebelum ini pernah membantu pembantu rumah-pembantu rumah mangsa dera termasuk kes bunuh pembantu rumah Indonesia, Muntik Bani dua tahun lalu.

Atas dasar keprihatinan dan kemanusiaan serta pertanyaan daripada Pak Agus sendiri menyebabkan Pengerusi Saba Islamic Domestic Help Advisory, Sabariah Abdullah terpanggil untuk mewujudkan sebuah program kesejahteraan menyeluruh membabitkan pembantu rumah Indonesia di

"Ia bertujuan untuk menjaga kesejahteraan pembantu rumah dan mempengaruhi rumahtangga dan majikan yang sejahtera," katanya kepada *Mingguan mStar*, baru-baru ini.

Sabariah berkata, program itu telah dicadangkan kepada Kedutaan Indonesia pada November tahun lalu dan dipersetujui pada Disember tahun yang sama.

Beliau kemudiannya mendapat sokongan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia pada awal tahun ini di samping mendapat kerjasama daripada Persatuan Majikan Pembantu rumah Malaysia (MAMA).

### Hak majikan

Menurut Sabariah, walaupun program tersebut melindungi pembantu rumah Indonesia daripada dianiaya namun kepentingan dan hak majikan turut tidak dilupakan.

"Dengan kerjasama ini diharapkan wujudnya keseimbangan antara kedua pihak meskipun terdapat faktor yang berbeza dan beri kesan baik kepada semua.

"Kami mahu menenangkan kedua-dua negara terutama membersihkan imej Malaysia daripada negara yang tidak memedulikan isu kemanusiaan," katanya.

Program Helper merangkumi latihan kepada pembantu rumah, sesi penerangan kepada majikan dan aktiviti pemantauan kegunaan terhadap pembantu rumah serta sistem kewangan khas bagi memastikan bayaran



SABARIAH ABDULLAH

dan mengelakkan sebarang kes penderaan.

Ini termasuk mengurangkan kes pembantu rumah-lari namun beliau tidak menyokong perkara itu seratus-peratus kerana banyak isu lebih serius yang perlu diberikan perhatian.

"Kalau dia (pembantu rumah) gembira, dia tak akan lari. Dia datang ke sini (Malaysia) untuk mencari pekerjaan bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga.

"Jika majikan memberi kerja yang baik kepada dia dan melayan dengan baik, jauh sekali dijadikan sebagai hamba maka tiada sebab untuk pembantu rumah lari," katanya.

### 1. Program Helper:

- > Latihan percuma untuk amah Indonesia.
- > Sesi penerangan kepada majikan.
- > Aktiviti pemantauan kegunaan terhadap amah.
- > Khidmat talian kecemasan (hotline).
- > Sistem kewangan khas bagi memastikan bayaran gaji dibuat secara konsisten oleh majikan.

### 2. Objektif:

- > Membaiki mutu kerja dan tahap perkhidmatan amah melalui program orientasi dan latihan amali.
- > Memantau kesejahteraan dan keselamatan amah melalui aktiviti pemantauan kegunaan serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membantu melindungi mereka yang teraniaya.
- > Menyediakan perkhidmatan perlindungan insurans berkumpulan yang kompetitif.
- > Hak dan kepentingan majikan juga diambil kira melalui kerjasama dengan MAMA.
- > Menyediakan perkhidmatan

mungkin berunsurkan negatif.

"Jumlah pembantu rumah Indonesia lari amat tinggi maka kita perlu mengenal pasti masalah sebenar menyebabkan keadaan itu berlaku dan cara untuk menyelesaikannya.

"Sehubungan itu, kami akan menyediakan perkhidmatan hotline bagi memudahkan orang ramai termasuk pembantu rumah untuk membuat aduan terutama kes penderaan.

"Pemantau kegunaan di

perbankan bagi menentukan bayaran gaji yang terurus dan berterusan serta kemudahan penghantaran wang yang selamat dan kompetitif.

- > Menasihati dan membantu melindungi hak amah.
- > Menasihati dan membantu melindungi hak majikan.

### 3. Perlindungan insurans untuk amah Indonesia:

- > Menyediakan pampasan sehingga RM40,000 sekiranya amah ditimpa kemalangan.
- > Insurans perlu ditanggung oleh majikan dengan bayaran minimum sebanyak RM70 setahun.
- > Dua syarikat insurans yang terlibat adalah Etiqa Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas.
- > Antara faedah yang ditawarkan adalah perbelanjaan khairat kematian, bayaran bil hospital dan kos-kos perubatan.
- > Turut melibatkan dua institusi kewangan iaitu Maybank dan CIMB bagi memudahkan para majikan membuat pembayaran gaji pembantu mereka setiap bulan.

majikan dan sebarang aktiviti berkaitan dibiayai menerusi dana dengan kerjasama strategik dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara.

"Ini bermakna program ini yang dilaksanakan seawal-awalnya pada September ini tanpa membebankan kewangan pembantu rumah, majikan, kerajaan dan Kedutaan Indonesia.

"Program Helper menjangkakan penyertaan kira-kira 200,000

negara ini. Sabariah berkata, program tersebut dinamakan Sistem Perlindungan, Pemantauan dan Kebajikan Hal Ehwal Pembantu Rumah Indonesia (Helper).

Oleh **IZRA ABD RAHMAN**  
izra@thestar.com.my

TIDAK menjalankan tanggungjawab mengikut kontrak, mendera, mencuri dan lari dari rumah merupakan antara masalah utama dihadapi majikan yang menggaji pembantu rumah Indonesia.

Pengerusi Persatuan Majikan Pembantu rumah Malaysia (MAMA), Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein berkata majikan yang berdepan masalah seperti ini harus mempunyai tempat mengadu atau pihak yang dapat membela nasib mereka.

"Kini sudah sampai waktunya majikan dibela dan dilindungi," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Badan bukan kerajaan (NGO) ini mempunyai misi membimbing majikan supaya lebih bertanggungjawab, prihatin dan berperikemanusiaan terhadap pembantu rumah, khususnya dari Indonesia.

Sebagai permulaan MAMA telah bekerjasama secara langsung dengan Saba Islamic Domestic Help Advisory (Saidha) bagi menjayakan program HELPER yang bertujuan mewujudkan kesejahteraan di antara majikan Malaysia dengan pembantu rumah Indonesia.

gaji dibuat secara konsisten oleh majikan.

Sabariah menjelaskan, Malaysia merupakan sebuah negara yang progresif dan prihatin bagi membetulkan keadaan

## Program percuma

Bagaimanapun Sabariah berkata, tidak dinafikan terdapat pembantu rumah yang datang dengan hasrat yang berlainan

kalangan sukarelawan turut berperanan dalam melindungi mereka yang teraniaya," katanya.

Beliau berkata, Program Helper disediakan secara percuma kepada pembantu rumah dan

kalangan rumah Indonesia di seluruh negara dalam tempoh setahun selepas ia dilaksanakan dan diharapkan ia turut mendapat penglibatan dan kerjasama daripada majikan," katanya.


# MAMA mahu pulih imej majikan Malaysia



ENGKU AHMAD FAUZI

"Kita mahu bersihkan semula imej majikan-majikan di Malaysia. Jika berjaya, secara tak langsung kita dapat membuang persepsi negatif sesetengah pihak yang menganggap majikan di Malaysia zalim," katanya.

Beliau berkata, selama ini kebanyakan majikan yang berdepan konflik dengan pembantu rumah kurang jelas



ABDUL AZIZ

akan hak dan tanggungjawab mereka serta di mana mereka mahu menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap pembantu rumah.

Kesudahannya, majikan yang mempunyai masalah dengan pembantu rumah berasa tertekan dan bertindak di luar kawalan seperti memberi layanan buruk, tidak membayar gaji dan

melakukan penderaan.

Jelasnya, MAMA bukan hanya tempat majikan mengadu semata-mata tetapi bertanggungjawab melahirkan majikan dan pembantu rumah berkualiti demi membentuk kesejahteraan keluarga dan negara.

"Kita akan bantu dan sokong apa sahaja program atau aktiviti asalkan ianya dapat mewujudkan persefahaman antara majikan dan pembantu rumah," jelasnya.

Sehingga kini MAMA mempunyai hampir 20 ahli dan dijangka akan mendapat lebih banyak keahlian pada masa akan datang.

"Ramai majikan berminat jadi ahli kerana mereka sedang, pernah dan bakal menggaji pembantu rumah Indonesia.

"Kita akan adakan kempen dalam masa terdekat bagi menarik minat orang ramai terutama majikan menjadi ahli," katanya.

## Sedia hadapi kontroversi

Penasihat Undang-Undang MAMA, Abdul Aziz Hasan tidak menolak kemungkinan tercetusnya isu tertentu apabila program HELPER dijalankan sepenuhnya kelak.

Ini kerana, program tersebut memerlukan kerjasama dua pihak iaitu majikan dan pembantu rumah.

"Kedua-dua pihak tak pernah kenal satu sama lain dan mempunyai harapan serta persepsi masing-masing.

"Kita anggap konflik sebagai lumrah apatah lagi program ini masih baru.

"Program ini bukan mahu cari siapa salah dan siapa betul sebaliknya mahu melihat bagaimana kita dapat mewujudkan kesejahteraan antara majikan dan pembantu rumah," katanya.

Bagi merungkaikan konflik atau ketegangan yang mungkin berlaku, aspek perjanjian dan hak kedua-dua pihak akan ditekankan.

"Ramai yang tandatangan kontrak tapi tak tahu isi kandungannya. Majikan ada hak mendapat pembantu rumah berkualiti, tetapi jika didapati mereka menzalimi pembantu rumah mereka akan dikenakan tindakan dan mungkin akan disenarai hitam daripada mengambil pembantu rumah Indonesia," jelasnya.

# Sarmini buktikan belajar tak jejas kerja

ster 10/7/2011 7

Oleh IZRA ABD RAHMAN  
izra@thestar.com.my

**M**AJIKAN kepada pembantu rumah Indonesia, Tan Choo Tang, 56, telah mengizinkan pembantu rumahnya, Sarmini Muhyadi, 28, melanjutkan pelajaran sehingga lulus cemerlang dan berjaya mendapat diploma dalam bidang pengurusan.

"Jika ada pembantu rumah yang menunjukkan minat untuk belajar, kita patut galakkan. Bagaimanapun semuanya terpulung kepada situasi dan majikan itu sendiri," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Choo Tang berkata, dia dan isteri, Wee Phooi Khuan, 47, tidak pernah kesal 'melepaskan' Sarmini menyambung pengajian sebaliknya menganggap ia sebagai 'situasi menang-menang'.

"Selepas tiga tahun bekerja dia beritahu saya yang dia mahu pulang ke kampungnya di Jawa Tengah dengan alasan mahu sambung belajar.

"Saya fikir kenapa tidak dia belajar separuh masa sambil bekerja. Lagipun saya lihat simpanannya tak cukup. Kalau saya izinkan dia belajar, impiannya akan tertunai dan kami sekeluarga masih boleh mendapatkan khidmat Sarmini," katanya.

Sepanjang empat tahun di



Selama lima tahun berkhidmat, Nikmah tidak pernah mengeluh menjaga anak majikannya.

mengambil peperiksaan.

Melihat kesungguhan Sarmini, Choo Tang sekeluarga berasa terpenggil untuk membantu bukan sahaja dari segi pembiayaan yuran pengajian tetapi juga sanggup berkorban masa dan tenaga.

"Anak saya tolong dari segi pemahaman bahasa Inggeris. Isteri dan kakak ipar saya membantu mendapatkan informasi ketika dia menyiapkan projek," katanya yang turut menyediakan komputer dan mesin pencetak untuk kegunaan Sarmini.

Dalam tempoh empat tahun pasangan ini turut bertanggungjawab menghantar dan menjemput Sarmini di kuliah serta sanggup mengambil cuti apabila Sarmini menduduki



Choo Tang menunjukkan gambar bekas pembantu rumahnya yang berjaya mendapat diploma dan kini telah menerima tawaran kerja di Indonesia.

majikan dan pembantu rumah amat penting.

"Saya upah pembantu rumah supaya mereka dapat membantu meringankan beban saya dan isteri, bukan bekerja sepanjang hari kerana mereka juga manusia biasa yang perlu berehat," katanya.

Sarmini telah pulang ke negaranya pada 3 Julai lalu dan terus mendapat tawaran kerja.

Choo Tang turut mengucapkan terima kasih kepada pengurusan OUM kerana membenarkan Sarmini melanjutkan pelajarannya di universiti itu.

keluarga sendiri. Dia ajar saya memasak dan mengemas sehinggalah saya mahir melakukan kerja rumah," katanya.

Paling tidak dapat dilupakan Nikmah apabila Rosnani bermurah hati membawanya menunaikan Umrah pada tahun lalu.

"Saya bersyukur mendapat majikan yang baik dan saya percaya hampir semua majikan di Malaysia baik-baik belaka," jelasnya.

Sebagai pembantu rumah dia tidak terlepas daripada dimarahi majikan apabila dia melakukan kesilapan dan menganggap semua



Siti Holifah (kiri) dan majikannya, Noraisyah saling bantu membantu dalam menjalankan kerja-kerja di rumah.

## Sabar adalah segala-galanya

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB  
iwan@thestar.com.my

MENDENGAR cerita rakan-rakan senegara yang menjadi pembantu rumah didera dan dianiaya oleh majikan tidak mempengaruhi seorang rakyat Indonesia, Siti Holifah Hasan Basri, 45, untuk mencari rezeki dengan pekerjaan itu.

Dia yang berkhidmat sebagai pembantu rumah untuk keluarga bagi pasangan suami isteri Md Adha Rahmat, 40, dan Noraisyah Muda, 35, sejak dua tahun lalu percaya bahawa berbuat baik akan dibalas dengan kebaikan.

"Saya amat bertuah kerana majikan begitu penyabar. Sifat tegas mereka itu difahami kerana mereka mahu memastikan saya menjalankan tugas dengan baik.

"Kisah pembantu rumah didera majikan hanya berlaku dalam sejumlah kecil. Masih ada ramai majikan yang berhati baik," katanya yang berasal dari Jawa Timur.

Noraisyah pula berkata, kes dera pembantu rumah yang berlaku di negara ini amat subjektif kerana terdapat majikan turut dianiaya oleh golongan itu.

Dia yang bekerja sebagai eksekutif di

Universiti Terbuka Malaysia (OUM), pasangan ini sering bertolak-anjur dengan Sarmini kerana faham tanggungjawab yang perlu dipikul seorang pekerja dan pelajar.

Dalam masa yang sama, Sarmini juga tidak pernah mengabaikan kerja-kerjanya di rumah walaupun perlu belajar, menyiapkan tugas dan

periksaan.

Menurut Choo Tang, Sarmini akan menelaah dari pukul 9 malam ke atas iaitu selepas selesai melakukan tugasnya di rumah dan jika ada kelapangan.

Sebagai majikan yang pernah mendapatkan khidmat empat pembantu rumah Indonesia sebelum ini, Choo Tang berpendapat persefahaman antara

## Tugas jaga anak istimewa bukan beban

PEMBANTU rumah dari Sumatera, Selatan, Nikmah, 27, yang telah lima tahun berkhidmat dengan majikannya, Rosnani Mohamad, 52, menyatakan kesyukurannya dapat mencari rezeki di Malaysia.

“Puan’ anggap saya macam

Selain menjalankan tugas-tugas biasa, Nikmah juga perlu menjaga anak bongsu Rosnani yang lumpuh.

“Saya tak anggap tugas menjaga anaknya sebagai beban tetapi sebagai tanggungjawab. Setiap kerja yang saya lakukan adalah ikhlas dan tak pernah merungut,” katanya.

Dia yang bekerja sebagai eksekutif di syarikat automotif itu tidak pernah melihat pembantu rumah sebagai orang asing namun perlu ada batasan antara majikan dan pekerja.

“Saya tahu Siti mempunyai pengalaman sebagai pembantu rumah dengan dua majikan sebelum ini tetapi manusia bukan sempurna dan pasti ada membuat kesilapan.

“Apa yang penting dia mengikut arahan dan berusaha untuk belajar. Saya akui dia banyak membantu terutama dalam kesibukan saya dengan kerja,” katanya.

# Masalah tak akan selesai selagi wujud agensi tidak sah

Oleh IZRA ABD RAHMAN

izra@thestar.com.my

MALAYSIA mempunyai sebanyak 380 agensi yang berdaftar secara sah bagi membawa masuk pembantu rumah asing kepada majikan-majikan di negara ini.

Pemangku Presiden Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (PAPA), Jeffrey Foo berkata daripada jumlah tersebut, hanya 200 agensi yang aktif menguruskan kemasukan pembantu rumah sebagai memenuhi permintaan majikan.

“Apa yang membimbangkan apabila agensi haram atau tak berdaftar secara sah lebih banyak jumlahnya berbanding agensi berdaftar,” katanya kepada *Mingguan mStar*.

Jeffrey berkata masalah berkaitan pembantu rumah Indonesia di negara ini merupakan masalah terpencil jika dibandingkan dengan 230,000 jumlah pembantu rumah yang sedang berkhidmat tanpa masalah

dengan majikan mereka.

Jelasnya, sekali pun majikan mempunyai masalah dengan pembantu rumah masing-masing, mereka masih mempunyai ‘jalan keluar’ dari kemelut tersebut sekiranya pembantu rumah diperolehi melalui saluran yang betul.

“Jika majikan tak puas hati dengan pembantu rumah mereka atas sebab pembantu rumah itu tidak terlatih atau sebagainya, mereka boleh menghubungi terus pihak agensi untuk buat pertukaran.

“Kalau mereka ambil daripada individu atau agensi tak bertauliah, tiada jaminan untuk mereka dapat pengganti,” katanya.

Menurut Jeffrey terdapat pihak tertentu dan majikan yang menganggap agensi pengambiln pembantu rumah asing sebagai ‘musuh’ dan sanggup menggunakan saluran lain untuk mendapatkan pembantu rumah.

“Sebagai agensi kita mahu bagi jaminan dan perlindungan kepada



Jeffrey menunjukkan gambar pembantu rumah asing yang dilatih di negara masing-masing sebelum dibawa masuk ke Malaysia.

majikan dan pembantu rumah,” katanya.

Tanggapan tersebut timbul kerana kos yang dikenakan agensi berdaftar sedikit tinggi berbanding tawaran pihak lain yang mungkin menjanjikan kos lebih murah selain perlu mengikut prosedur dan

menunggu untuk tempoh tertentu.

Jumlah yang perlu dibayar majikan yang ingin mendapatkan khidmat agensi untuk mengambil pembantu rumah ialah RM2,711.

“Ramai orang awam di negara kita melanggar peraturan dengan mengambil pekerja asing bekerja

tanpa permit sah.

“Mereka bayar gaji rendah dan minta pembantu rumah mereka bekerja dalam waktu yang panjang, malah ada yang disuruh buat kerja berat,” katanya.

Akibatnya, pembantu rumah berasa tertekan dan mengambil keputusan melarikan diri dari tempat mereka bekerja.

Jeffrey berkata, masalah berkaitan pembantu rumah terutama yang lari daripada majikan tidak akan selesai selagi pekerja yang masuk secara haram masih berada di Malaysia dan permintaan daripada majikan terus ada.

“Pekerja asing atau pembantu rumah yang meninggalkan majikan mereka akan mencari kerja lain kerana ramai lagi majikan lain terdesak mendapatkan khidmat mereka.

“Ada juga majikan yang beri tawaran lebih lumayan kepada mereka jika meninggalkan majikan yang mereka sedang berkhidmat,” katanya.